

# **PERTANDINGAN PENULISAN ILMIAH DAN KREATIF 2016 (PIK 2016)**

## **PENGENALAN**

Buat kali ke-2 Unit Penyelidikan dan Inovasi Kolej Komuniti Wilayah Utara menganjurkan Pertandingan Penulisan Ilmiah dan Kreatif pada tahun ini. Pertandingan ini diadakan supaya budaya penulisan dalam kalangan pensyarah dan staf Kolej Komuniti dapat dipupuk di samping perkongsian ilmu antara kakitangan dalam institusi pendidikan.

*Serlahkan bakat penulisan anda! Ceritakan karya yang anda ingin kongsi bersama-sama para pembaca berkaitan bidang, minat atau pun apa sahaja.*

## **OBJEKTIF**

- Menyebarluaskan ilmu kepada pembaca.
- Meningkatkan kesedaran dan semangat cintakan penulisan.
- Memupuk budaya berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif dalam menjana pengkisahan terbaik karya penulisan.

Untuk tujuan ini, aktiviti-aktiviti berbentuk penulisan amat digalakkan. Unit Penyelidikan dan Inovasi Kolej Komuniti Wilayah Utara, ingin mempelawa **semua warga Kolej Komuniti Wilayah Utara** untuk menyertai **Pertandingan Penulisan Ilmiah dan Kreatif 2016 (PIK 2016)**.

## **SYARAT UMUM**

1. Terbuka kepada semua warga Kolej-Kolej Komuniti Wilayah Utara.
2. Penulisan ditulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
3. Penyertaan pertandingan adalah untuk **kategori individu sahaja**.
4. **Sila** tuliskan bilangan patah perkataan di akhir dan pada bahagian kanan esei.
5. Hasil karya akan dinilai berdasarkan penceritaan keaslian, kreativiti, kredibiliti, serta rasional penceritaan penulis. Sumber rujukan hendaklah dinyatakan (sekiranya berkaitan)
6. Sebarang unsur tidak sopan atau menyentuh sensitiviti individu atau kaum dan agama adalah **dilarang**.
7. Bukti penghantaran tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan.
8. Pihak urusetia tidak bertanggungjawab terhadap kiriman yang tidak sampai atau rosak dalam perjalanan.
9. Segala kos penghantaran/kajian/cetakan dalam pertandingan ini ditanggung sepenuhnya oleh peserta.
10. Penulisan yang dihantar untuk menyertai pertandingan ini akan menjadi hak milik pihak pengajur dan tidak akan dikembalikan kepada peserta.
11. Keputusan pemenang akan dimaklumkan. Sebarang keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Pertandingan adalah **MUKTAMAD**.
12. Pihak pengajur berhak mengolah gaya bahasa dan susunan ayat mengikut kesesuaian untuk tujuan penerbitan.
13. Syarat dan peraturan adalah tertakluk kepada pindaan pengajur.

**PIK 2016 adalah berdasarkan dua (2) kategori berikut:**

1. **Penulisan Ilmiah** (seperti bidang kemahiran masing-masing termasuk pengurusan organisasi dan pengurusan P&P)
2. **Penulisan Kreatif** (meliputi selain bidang kemahiran masing-masing dan terbuka)

## **SYARAT KHUSUS**

1. Setiap kolej komuniti di Wilayah Utara perlu menghantar **sekurang-kurangnya SATU (1) penyertaan bagi SETIAP kategori** yang dipertandingkan.
2. Penyertaan daripada pihak pentadbiran juga amat digalakkan.
3. Tajuk penulisan hendaklah ringkas, jelas dan padat agar dapat menerangkan bidang penulisan.
4. Pengenalan yang disediakan dapat menarik minat pembaca ke arah tema utama penulisan.
5. Isi penulisan dapat dipersembahkan dan disusun dengan baik.
6. Penggunaan jadual dan rajah untuk mewakili isi penting adalah digalakkan dengan persembahan yang kemas dan dinomborkan.
7. Isi perbincangan dikuatkan dengan penemuan penulisan lain sebelumnya dan kesimpulan yang dibuat disertakan dengan bukti yang kukuh.
8. Menggunakan laras bahasa ilmiah dengan tatabahasa dan perkataan yang sesuai serta penggunaan istilah yang selaras dan terbaru.
9. Penulisan perlu disertakan dengan rujukan (sekiranya berkaitan).
10. Sebarang aktiviti plagiat adalah dilarang dan jika terdapat aktiviti plagiat, penyertaan akan dibatalkan.
11. Bilangan muka surat di antara 8-15 muka surat.
12. Penulisan yang dihantar mestilah karya asli yang bertaip dengan Arial bersaiz 12 dengan langkau 1.5 dan penulisan tersebut tidak pernah diterbitkan dalam mana-mana penerbitan dan pertandingan menulis esei yang lain.
13. Menggunakan kertas bersaiz A4 dengan orientasi potret dan disimpan dalam dokumen Word (doc.)
14. Penulisan perlu dihantar dalam bentuk **hardcopy dan softcopy** ke alamat emel [urusetiappik@yahoo.com.my](mailto:urusetiappik@yahoo.com.my) DAN kepada Urusetia Pertandingan PIK 2016 di alamat: No. 28-A, Pusat Perniagaan Alamanda, 08200 Sik, Kedah **sebelum atau pada 30 Jun 2016 (Khamis)**.

## **PENILAIAN**

1. Jawatankuasa Penilaian Hasil Penulisan adalah terdiri daripada ahli panel yang dilantik oleh Unit Penyelidikan dan Inovasi Kolej Komuniti Wilayah Utara.
2. Hasil penulisan akan dinilai melalui perkara-perkara berikut :
  - a) Isi penulisan
  - b) Olahan isi
  - c) Data sokongan
  - d) Gaya bahasa
  - e) Rujukan (sekiranya berkaitan)

## **HADIAH**

1. Pemenang Pertama : RM100.00 (Seratus ringgit sahaja berserta sijil)
2. Pemenang Kedua : RM80.00 (Lapan Puluh ringgit sahaja berserta sijil)
3. Pemenang Ketiga : RM50.00 (Lima Puluh ringgit sahaja berserta sijil)
4. Saguhati kepada 10 penyertaan yang mendapat penilaian tertinggi berikutnya.
5. Setiap penyertaan akan diberikan sijil penyertaan.

### **TEMPOH PENILAIAN HASIL PENULISAN:**

**12 JULAI 2016 – 25 JULAI 2016**

Karya hendaklah dihantar ke alamat emel  
**urusetiappik@yahoo.com.my** DAN kepada Urusetia  
Pertandingan PIK 2016 di alamat: No. 28-A, Pusat Perniagaan  
Alamanda, 08200 Sik, Kedah sebelum atau pada 30 Jun 2016.  
**(KHAMIS - JAM 12.00 TENGAHARI)**

